

Jawab semua soalan

1. (a) Firman Allah SWT :

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ هَذَا
بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ وَلَا تَحْزَنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

(Surah Ali Imran : Ayat 137-139)

Ayat di atas menerangkan konsep memahami Sunnatullah dalam kehidupan seharian.
Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud Sunnatullah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan memahami Sunnatullah. [4 markah]

...إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ...

(Surah al-Ra'd : Ayat 11)

Maksudnya : ...Sesungguhnya Allah SWT tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri...

- (iii) Huraikan hujah anda untuk membuktikan kebenaran pernyataan di atas berdasarkan konsep Sunnatullah. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمْ اللَّهُ، فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ، الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ، اجْتَمَعَا عَلَيْهِ، وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ، وَجَمَالٍ، فَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى، حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا، فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.

Hadis di atas menjelaskan tentang tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

- (i) Nyatakan maksud naungan Allah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** contoh perbuatan menyembunyikan sedekah. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kebaikan menyembunyikan sedekah terhadap individu . [4 markah]

(c) Nyatakan **dua** jenis ibtida'. [2 markah]

2 (a) Al-Muntaqim merupakan salah satu daripada Asmaul Husna.

(i) Apakah maksud al-Muntaqim? [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Muntaqim. [4 markah]

(iii) Terangkan **dua** tindakan yang akan dilakukan oleh orang yang beriman dengan nama Allah SWT al-Muntaqim. [4 markah]

(b) (i) Jelaskan secara ringkas sejarah Syiah. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** prinsip utama Syiah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah. [4 markah]




(iii) Berdasarkan gambar di atas, bincangkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya perkara tersebut tidak dibendung dalam kalangan masyarakat.

[4 markah]



- 3 (a) (i) Apakah maksud sembelihan? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** contoh perbuatan menyeksa binatang sembelihan. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** hikmah sembelihan dari sudut sains. [4 markah]
- (b) Solat sunat istikharah merupakan solat sunat yang terdapat dalam syariat Islam.
- (i) Nyatakan maksud solat sunat istikharah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan kaifiat menunaikan solat sunat istikharah dari aspek:
1. Bilangan rakaat.
 2. Cara pelaksanaan. [2 markah]
- (c) Talak merupakan salah satu isu yang berkaitan dengan perkahwinan.
- (i) Senaraikan **dua** jenis talak. [2 markah]
- (ii) Nyatakan hukum bagi situasi berikut :
1. Encik Abu menceraikan isterinya yang sedang hamil.
 2. Suami menceraikan isteri kerana sering berlaku perbalahan yang tidak dapat didamaikan setelah proses mahkamah. [2 markah]
- Di Malaysia, perceraian melalui talak diperuntukkan di bawah Enakmen Undang-undang keluarga Islam Seksyen 47. Mana-mana suami atau isteri yang mahu bercerai melalui talak hendaklah membuat permohonan terlebih dahulu di Mahkamah Syariah.
- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, kemukakan pendapat anda bagi mengelakkan berlakunya perceraian dalam kalangan masyarakat. [4 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan secara ringkas sejarah penubuhan kerajaan Abbasiyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan khalifah Harun al-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi dalam membangunkan kerajaan Abbasiyah. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Abbasiyah dari aspek sosial. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam bidang perundangan. [4 markah]



- (iii) Gambar di atas merupakan salah satu daripada hasil karya Ahmad bin Ibrahim yang menjadi bukti ketinggian ilmu yang dimiliki beliau.

Bagaimanakah anda dapat mencontohi kehebatan beliau untuk menjadi seorang pelajar yang cemerlang? Huraikan. [4 markah]

- 5 (a) (i) Nyatakan maksud wasatiah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** contoh keseimbangan dari aspek jasmani. [4 markah]

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ...

(Surah Ali Imran : Ayat 110)

Maksudnya : Kamu wahai umat Muhammad ialah umat paling baik yang dilahirkan bagi umat manusia kerana kamu menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta kamu beriman kepada Allah SWT.

- (iii) Berdasarkan ayat di atas, bagaimanakah anda dapat mengaplikasikan konsep wasatiah untuk menjadi umat yang cemerlang. [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan maksud alam sekitar. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** adab menjaga alam sekitar. [4 markah]



- (iii) Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya kempen tersebut diabaikan.

[4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT